

# Selangor peruntuk RM1 juta bantu anak istimewa

**SHAH ALAM** - Kerajaan negeri Selangor memperuntukkan RM1 juta bagi pelaksanaan Bantuan Khas Anak Istimewa Selangor (ANIS) pada tahun ini.

Exco Kesihatan Awam, Perpaduan, Pembangunan Wanita dan Keluarga Selangor, Dr Siti Mariah Mahmud berkata, pelaksanaan bantuan khas itu bertujuan membantu ibu bapa dan penjaga anak istimewa untuk menampung kos pendidikan, terapi, peralatan dan ubat-ubatan.

Menurut beliau, secara keseluruhan, seramai 303 penerima bantuan kategori pendidikan dengan jumlah diperuntukkan sebanyak RM605,750 disalurkan setakat Disember ini.

"Seramai 69 penerima telah menerima bantuan kategori peralatan dan barangan menerusi peruntukan berjumlah RM151,020," katanya semasa berucap pada Majlis Penyerahan Bantuan Khas ANIS 2022 di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini pada Rabu.

Dr Siti Mariah memberitahu, bantuan khas itu telah memberi manfaat kepada 1,500 penerima sejak tahun 2018.

Beliau berkata, sebahagian besar penerima bantuan merupakan pemohon subsidi bagi menampung yuran pembelajaran anak istimewa di pusat intervensi.

Menurutnya, Yayasan Insan Istimewa Selangor, sebuah anak syarikat khusus di bawah Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) telah diumumkan dalam Belanjawan Selangor 2022 menunjukkan komitmen kerajaan negeri memastikan kelangsungan program dan inisiatif ANIS yang lebih mapan.

"Menerusi Belanjawan Negeri 2022, Bantuan Khas ANIS dan pelbagai lagi bantuan lain di bawah Jabatan ANIS akan diselaraskan di bawah inisiatif terbaru kerajaan negeri iaitu kad ANIS," ujar beliau.

Orang ramai boleh mendapatkan maklumat lanjut berkenaan inisiatif disediakan oleh kerajaan negeri melalui laman [www.anisselangor.com](http://www.anisselangor.com).